

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 3/2021

• ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

✉ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



PIHAK BERKUASA TEMPATAN KERAP ‘TURUN PADANG’

Berita Penuh MS 2

PENJAJARAN SUMBER KERAJAAN

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam melakukan penjajaran sementara kesemua sumber dan fasilitinya termasuk kakitangan awam berikutnya pelaksanaan Ordinan Darurat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyahut saranan Kerajaan dengan penggunaan optimum aset di bawah seliaan Majlis seperti kenderaan jabatan, aset atau fasiliti dan kakitangan Majlis.

Berita Penuh MS 3

MEWUJUDKAN SUDUT KOLEKSI KEMUDAHAN BRAILLE DI PERPUSTAKAAN KOMUNITI PETALING JAYA

Bagi mewujudkan peluang sama rata kepada semua golongan pengguna perpustakaan, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (PKPJ) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sudut koleksi buku braille khusus untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan.



Berita Penuh MS 4

Sidang Redaksi



PENAUNG

Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar

PENASIHAT

Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN

Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin
Muhammed Azmi bin Yusoff
Hasbullah bin JuyahirPEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar binti Mazelan
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKAA GRAFIK

Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin
Amiera Firzahah binti Mohamad RosnaniMAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Lanskap
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekutaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundungan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi a/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

PIHK BERKUASA TEMPATAN KERAP ‘TURUN PADANG’

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri Malaysia, menyeri semua Pihak Berkuasa Tempatan lebih kerap turun ke lapangan bagi meninjau dan memahami masalah kakitangan yang bertemu dengan orang ramai bagi menyelesaikan urusan sehari-hari.

Penularan COVID-19 tidak harus menjadi penghalang dalam usaha Kerajaan memperkasakan sektor awam ke arah perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan mesra rakyat. Kakitangan awam perlu membudayakan norma baharu dalam cara kerja supaya perkhidmatan dapat disampaikan secara efektif kepada golongan sasar.

Dalam meneruskan agenda ini, Kerajaan menekankan inisiatif untuk menambah baik aspek integriti dan tadbir urus termasuk melalui usaha membanteras rasuah. Oleh kerana PBT antara warga kerja barisan hadapan yang sering terdedah dengan tarikan rasuah, maka usaha membanteras jenayah ini perlu kekal sebagai agenda penting.

Harus diingatkan, kita telah dipertanggungjawabkan menjaga keperluan masyarakat termasuklah memastikan sosial dan keselesaan seperti kemudahan awam, perumahan, bkeadaan sekeliling tempat tinggal dan sebagainya.

Selain itu, kita juga turut berperanan memerangi wabak COVID-19 yang kini sedang melanda seluruh negara. Kita juga perlu komited menjaga Petaling Jaya dalam pelbagai aspek.

MBPJ harus mengekalkan kecemerlangan dalam perkhidmatan seperti tahun-tahun sebelum untuk memastikan Petaling Jaya terus menjadi sebuah bandar raya yang lebih baik daripada yang lain dan menyahut arahan YAB Perdana Menteri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.



PENJAJARAN SUMBER KERAJAAN

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam melakukan penjajaran sementara kesemua sumber dan fasilitinya termasuk kakitangan awam berikutan pelaksanaan Ordinan Darurat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyahut saranan Kerajaan dengan penggunaan optimum aset di bawah seliaan Majlis seperti kenderaan jabatan, aset atau fasiliti dan kakitangan Majlis. Ini bertujuan bagi menyokong kelancaran operasi perkhidmatan kritikal agar lebih bersepada dan terselaras. Antara pelaksanaan MBPJ yang menyokong saranan Kerajaan ini adalah seperti berikut :-

- i. Dewan Serbaguna Kg. Lindungan di PJS 6 dijadikan sebagai pusat ujian COVID-19 saringan bersasar komuniti.
- ii. Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dengan menjahit pakaian perlindungan diri (PPE) dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.
- iii. Penghasilan pelindung muka atau *face shield* secara "Do it yourself" (DIY) oleh kakitangan Jabatan Pengurusan untuk diserahkan kepada agensi yang memerlukan. Sebanyak 2500 unit pelindung muka telah berjaya disiapkan untuk kegunaan petugas barisan hadapan.
- iv. Kakitangan Majlis dari pelbagai Jabatan turut terlibat dalam aktiviti membantu menangani masalah pandemik COVID-19 bersama agensi lain seperti melaksanakan sanitasi di kawasan dan bangunan-bangunan awam.
- v. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi premis-premis atau individu yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP).
- vi. Melaksanakan penggiliran kerja yang sistematik bagi kakitangan dalam memastikan perkhidmatan perbandaran yang disediakan tidak terjejas.



Selaras dengan gaya hidup, suasana dan norma baharu ini, semuawargakerjaMBPJperluteruskomiteddalammenjalankan tugas-tugas selari dengan hasrat dan usaha Kerajaan dalam melaksanakan penjajaran semua sumber Kerajaan dapat dioptimumkan sepenuhnya. Selain itu juga, ianya bagi menyokong kelancaran perkhidmatan Majlis yang menyeluruh demi memastikan kehendak penduduk dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

MBPJ BANGUNKAN SISTEM eCORELOVED

Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Unit Teknologi Maklumat dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah bergabung untuk membentuk Kumpulan inovasi dan kreatif yang diberi nama Wastech.

Kumpulan ini telah membangunkan Sistem ecoReloved yang berfungsi untuk menguruskan barang terpakai secara dalam talian yang diterima melalui sumbangan perseorangan dari masa ke semasa atau melalui program *Spring Cleaning*. Barang terpakai ini akan dibaiki semula (upcycle) oleh Bahagian 3R sebelum direkodkan di dalam sistem untuk tujuan inventori dan seterusnya diiklan untuk tujuan jualan dengan harga yang lebih rendah atau diberi kepada golongan B40 melalui Program Jalinan Kasih 3R PJKITA.





#sisaitusatuaset #wastech #ecoreloved #mbpj

“ Sumbangkan barang terpakai anda untuk dibaiki semula (upcycle) dan barang terpakai tersebut akan diberikan kepada golongan B40 yang memerlukan melalui Program Jalinan Kasih 3R PJKITA atau dijual semula dengan harga yang sangat berpatutan. **”**

Sistem ini boleh dicapai melalui pautan <https://ecoreloved.mbpj.gov.my>. Melalui pautan ini, orang ramai juga boleh memberikan penilaian dan pandangan untuk penambahbaikan di menu *rating* yang disediakan di dalam sistem.

Diharap Sistem ecoReloved ini memberi manfaat kepada penduduk Petaling Jaya dalam usaha Majlis merealisasi misi dalam melaksanakan agenda perbandaran pintar, mampan, berdaya tahan, dinamik menerusi tadbir urus cekap, berkesan dan peduli komuniti melalui Pelan Strategik MBPJ 2021-2025 yang telah dirancang. Sistem ecoReloved ini dilaksanakan berdasarkan Teras 3 iaitu "Memperluaskan Penggunaan Teknologi ICT dan Aplikasi Dalam Semua Aspek Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran".

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA ANGKAT MARTABAT WANITA

Dalam membangun tadbir urus sesebuah organisasi peranan golongan wanita sangat penting. Pembabitan golongan wanita dalam kepimpinan adalah sangat signifikan dalam mencapai setiap sasaran dan matlamat pembangunan mampan yang memerlukan keterlibatan semua pihak. Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik juga dilihat begitu dominan dewasa ini.

Penyertaan wanita dalam setiap peringkat pada era masa kini semakin membanggakan. Hal ini, jika dilihat setiap lapisan kepimpinan negara, keterlibatan golongan wanita dalam mempelbagaikan dan merancakkan pertumbuhan sektor pembangunan negara dalam menghasilkan suatu keputusan yang positif selain dapat meningkatkan produktiviti yang amat tinggi.

Tema Hari Wanita pada tahun ini, Wanita Bangkit Mendepani Cabaran amat bertepatan dengan peranan wanita dalam pelbagai bidang di sektor awam mahupun swasta juga dilihat mampu untuk menstabilkan dan membentuk persekitaran yang dinamik dan kondusif yang menjadi nilai tambah kepada organisasi yang diwakili.

Menyedari situasi ini, Kerajaan telah merangka pelbagai strategi yang khusus dalam menambah variasi peranan wanita dengan cara yang lebih berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan. Usaha yang gigih perlu diambil bagi membantu wanita untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Ia sekali gus, menterjemahkan segala usaha pembangunan supaya kepentingan dan penyertaan wanita dapat diintegrasikan sumbangan mereka ke arah proses pembangunan negara maju.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali mengangkat peranan wanita di setiap peringkat. Bermula di peringkat kepimpinan tertinggi sehingga ke kumpulan sokongan, peranan wanita di Majlis menjadi nilai tambah kepada kecemerlangan dan kegemilangan yang ditempa Majlis di peringkat antarabangsa dan nasional. Setiap 8 Mac saban tahun, Majlis tidak terkecuali mengiktiraf Sambutan Hari Wanita. Pengiktirafan ini mencerminkan kesungguhan Majlis untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan penuh nilai integriti yang tinggi.




SUDUT KOLEKSI BRAILLE DI PERPUSTAKAAN KOMUNITI PETALING JAYA

Bagi mewujudkan peluang sama rata kepada semua golongan pengguna perpustakaan, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (PKPJ) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sudut koleksi buku braille khusus untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan.

Kemudahan ini adalah bertujuan untuk menyediakan bahan bacaan khusus kepada golongan buta penglihatan agar budaya membaca ini terus disuburkan dalam kalangan mereka dan tidak membiarkan mereka rasa terpinggir ketika mengunjungi PKPJ.

Buat masa kini, pihak perpustakaan sedang berusaha untuk mendapatkan koleksi buku-buku braille ini daripada beberapa pembekal. Pihak perpustakaan juga telah mengadakan lawatan kerja ke KL Braille Resources dan juga Pusat Pembelajaran Kejiranian Presint 9 bagi mempelajari dan meninjau perkhidmatan yang disediakan khusus untuk OKU buta penglihatan. Selain itu, PKPJ juga turut mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan koleksi braille ini menepati keperluan dan kehendak golongan kelainan upaya, buta penglihatan kelak.



Diharapkan agar dengan adanya koleksi braille ini akan dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada golongan buta penglihatan untuk terus menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan khususnya dan pihak MBPJ amnya.



SUMBANGAN TAHUN BARU CINA 2021 ZON 18

PJS 2, 10 FEBRUARI 2021 - MPP Zon 18 dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan kepada 20 keluarga berbangsa Cina di flat Taman Maju Jaya PJS 2. Program ini bertujuan untuk berkongsi kegembiraan bersama komuniti Cina yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina.



BANTUAN COVID-19 ZON 20

SS1, 10 FEBRUARI 2021 - Ahli Majlis Zon 20. En. Ong Yew Thai dan Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei telah menyampaikan bantuan Covid-19 kepada 100 keluarga B40 di Zon 20 yang terjejas sumber ekonomi akibat pandemik Covid-19.



HIAS LORONG BELAKANG

SG. WAY, 11 FEBRUARI 2021 - Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Baru Sg. Way telah menyertai Pertandingan Perhiasan Kg. Baru Selangor bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2021. Lorong belakang dewan Seri Setia dijadikan lokasi penyertaan pertandingan yang telah bermula semenjak Disember 2020.



SUMBANGAN ZON 15 SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

SEKSYEN 3, 10 & 11 FEBRUARI 2021 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah menyampaikan sumbangan kepada masyarakat kaum Cina di Pasar Besar Jalan Othman dan kawasan perumahan Jalan 3/57 B untuk meringankan beban mereka menyambut Tahun Baru Cina. Turut hadir Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah.



KUNJUNGAN KE RUMAH KEBAJIKAN CHEN AI

KELANA JAYA, 12 FEBRUARI 2021 - Ahli Majlis Zon 22 Pn. Rahibah Che Omar telah mengunjungi rumah kebajikan Chen Ai yang baru beroperasi di SS 7 untuk menyantuni penghuninya yang terdiri daripada warga emas dan orang kurang upaya. Beliau turut menyampaikan hadiah dan barang keperluan asas kepada penghuni.



KUNJUNGAN HARMONI KE CHEMPAKA BUDDHIST LODGE

SS 23, 27 FEBRUARI 2021 - Bagi memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina, pejabat Ahli Majlis Zon 22 berkolaborasi dengan Rakan Hidayah Petaling Jaya telah membuat kunjungan harmoni ke Chempaka Buddhist Lodge. Selain beramah mesra peserta turut ditunjukkan hasil kerja tangan wanita yang juga sukarelawan di sana sebagai salah satu cara mengutip dana.



SUMBANGAN BAKUL MAKANAN ZON 13

SEKSYEN 17, 27 FEBRUARI 2021 - Seramai 50 orang penduduk terpilih di Zon 13 telah menerima sumbangan berupa bakul makanan yang telah disampaikan Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Miin. Sumbangan ini untuk membantu penduduk yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19.



GOTONG-ROYONG PERSATUAN PENIAGA KELANA JAYA

SS 6, 1 MAC 2021 - Bertempat di tapak penjaja tapak niaga SS 6/14 telah berlangsung program gotong-royong bersama Persatuan Peniaga Kelana Jaya. Program ini dihadiri Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah dan Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad.



ALI MAJLIS ZON 17 SANTUNI PENDUDUK

PJS 1, 6 MAC 2021 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah melakukan ziarah prihatin menyantuni pesakit kronik dan juga ibu yang baru menimang cahaya mata di Apartmen Taman Petaling Utama, Pangsapuri Petaling Perdana dan Apartmen Taman Medan Jaya. Hadir sama Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah dan Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tn. Syamsul Firdaus Mohamad Supri.



PENYAMPAIAN BAUCAR BACK TO SCHOOL 2021

TAMAN DATO' HARUN, 7 MAC 2021 - Seramai 22 murid telah menerima baucar bernilai RM 100 setiap seorang untuk membeli kelengkapan sekolah sempena sesi persekolahan 2021. Baucar telah disampaikan Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



TURUN PADANG TINJAU ADUAN MASYARAKAT

SEKSYEN 3, 9 MAC 2021 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah turun padang bersama wakil jabatan teknikal MBPJ dan KDEB Waste Management untuk meninjau masalah longkang rosak di Jalan Penchala dan Jalan 2/32 yang memerlukan tindakan pembaikan.



SUMBANGAN BAKUL MAKANAN ZON 22

SS 7,10 MAC 2021 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menyampaikan sumbangan berupa bakul makanan kepada 20 warga emas ahli Kuil Maha Mariamman SS 7. Sumbangan ini untuk membantu golongan yang terjejas sumber pendapatan semasa negara dilanda pandemik Covid-19.



EDARAN BUBUR ASYURA

SS 5, 11 MAC 2021 - Bersempena sambutan Israk Mikraj, Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad telah mengedarkan bubur Asyura kepada kariah Surau Ehsaniah SS 5A dan Surau al-Kauthar SS 5C. Edaran turut dibuat kepada penduduk dan peniaga sekitar SS 5.



EDARAN PELITUP SEPARUH MUKA

PJS 1, 12 MAC 2021 - Menyedari risiko penularan Covid-19 dalam kalangan pelajar sekolah, Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan MPP Zon 17 telah mengedarkan pelitup separuh muka kepada pelajar SJK (C) Yuk Chyun, Tabika Kemas Permataku dan Tadika Sinar Merah di PJS 1 sebagai langkah pencegahan membendung penularan Covid-19.



PERKHIDMATAN VAN TRANSIT ORANG KURANG UPAYA (OKU) KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)

di Petaling Jaya Sahaja, Antaranya...

- Sunway Convention Center**
- Ideal Convention Center (IDCC) Shah Alam**
- Setia City Convention Center (Setia Alam)**
- Sime Darby Ara Damansara (pandu lalu @ drive thru)**
dan lain-lain PPV yang di kawasan Petaling Jaya.

Transit OKU sediada untuk perkhidmatan membawa OKU (berkerusi roda sahaja) dan keutamaan adalah kepada OKU yang memerlukan rawatan sekiranya ada permohonan.



OPERASI PERKHIDMATAN

- ISNIN - JUMAAT
9.00 pg. - 5.00 ptg.**

*Waktu Bekerja Sahaja

- Tempahan hanya diterima pada hari yang sama bermula 8.00 pagi.**



SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

- OKU mestilah penduduk Petaling Jaya**
- OKU yang memerlukan penjagaan perlu membawa pembantu sendiri ketika menggunakan perkhidmatan ini**



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

- Keutamaan diberikan kepada OKU yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, PPR dan pusat jagaan**



SEBARANG PERTANYAAN

- JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN,
TINGKAT 7, MENARA MBPJ, JALAN TENGAH,
46200 PETALING JAYA, SELANGOR.**

+603-7956 0203

+603-7956 9549

"1st come 1st serve basis"

